



Peserta bergambar kenangan di Madrasah An-Nikmah.

Program membabitkan tiga projek iaitu:

- 1. Ilmu Amalan Pertanian - memindahkan pengetahuan serta kemahiran pertanian sara hidup kepada guru dan pelajar serta memanfaatkan ilmu pertanian sara diri untuk penjanaan pendapatan sekolah
- 2. Pengurusan Pusat Sumber - menyediakan ruang untuk memupuk minat membaca sekali gus menambah baik tahap literasi pelajar sekolah
- 3. Pembangunan Modal Insan/Pembinaan Jati Diri - melalui kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris Bahasa Melayu untuk membina jati diri guru dan pelajar melalui kemahiran insaniah seperti kepemimpinan.

Selami kehidupan masyarakat Islam Kemboja

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Program Mobiliti Kesukarelawanan dan Khidmat Masyarakat Kemboja anjuran pelajar program Bacelor Sains Pembangunan Sumber Manusia (BSPSM), Universiti Putra Malaysia (UPM), memberi peluang kepada peserta untuk melakukan aktiviti kesukarelawanan di luar negara dan mempertingkatkan kemahiran komunikasi serta kepemimpinan dalam kalangan peserta.

Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM yang juga Koordinator Program Mobiliti Kesukarelawanan dan Khidmat Masyarakat Kemboja, Dr Siti Raba'ah Hamzah, berkata lawatan ke Kemboja itu selaras dengan matlamat utama Pelan Strategik UPM untuk melonjakkan perkhidmatan jaringan industri dan masyarakat dengan berkongsi kepakaran dan melaksanakan pemindahan ilmu.

Katanya, UPM berusaha memperkuuh kerjasama strategik universiti-industri, universiti-masyarakat atau universiti-industri-masyarakat menerusi penganjuran program membabitkan pengembangan kepakaran yang memberi nilai tambah kepada pembangunan industri, mencari penyelesaian kepada permasalahan sosial semasa negara serta usaha mentransformasikan masyarakat sebagaimana diha-

ratkan oleh kerajaan.

"Objektif utama penganjuran program ini ialah untuk memberi peluang kepada pelajar BSPSM mempraktikkan kemahiran kesukarelawanan yang dipelajari dengan bertindak selaku fasilitator dalam program ini sekali gus menjadi platform pertukaran budaya antara pelajar BSPSM dan masyarakat Islam di Kemboja."

Mantapkan pengetahuan

"Program ini juga bertujuan mempuak semangat kesukarelawanan dalam kalangan pelajar dengan memberi peluang kepada mereka untuk menyelami kehidupan masyarakat Islam di Kemboja yang hidup dalam serba kekurangan dan banyak bergantung harap kepada bantuan antaranya pendidikan, keperluan peralatan kegunaan harian," katanya.


Seramai 27 pelajar, serta lima pensyarah dan pegawai mengambil bahagian dalam program ke Kemboja yang berlangsung selama seminggu itu.

Sempena lawatan itu, delegasi dari UPM berpeluang mendekati masyarakat Islam Kampot membabitkan tiga kampung iaitu Kampung Malekkol, Kampung Kep dan Kampung Som.

Sepanjang tiga hari berada di Kampot, peserta berkesempatan bera-mah mesra bersama-sama lebih 300 penduduk tempatan dan tidak ketinggalan juga menerima penyertaan daripada pelajar Universiti Kemboja. Siti Raba'ah berkata, peserta



Peserta menjalankan aktiviti di Madrasah Al Husaini Malekkol, Kampot bersama dengan komuniti setempat.



Aktiviti bersama murid-murid sekolah Madrasah Dubai Al-Islamiah.

kemudiannya meneruskan kunjungan ke Phnom Penh selama empat hari untuk mengadakan aktiviti dengan dua sekolah iaitu Madrasah An-Nimah Al-Islamiyah yang menjadi satu-satunya Sekolah Menengah Islam di Chrang Comreh 1, Khan Russey Keo, Phnom Penh dan Sekolah Rendah Islam Madrasah Dubai Al-Islamiah.

"Bagi membantu memantapkan pengetahuan am pelajar BSPSM dan memberi pengajaran kepada mereka dalam menyusuri sejarah masyarakat Kemboja, peserta turut dibawa melawat tempat bersejarah iaitu Toul Sleng Genocide Museum dan Killing Fields," katanya.

